

Anggapan mati syahid 11 DEC 1985 karut

-Mahathir

KUALA LUMPUR 30
November — Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
hari ini menyifatkan
dakwaan kononnya
mangsa-mangsa peristiwa
berdarah Baling mati sya-
hid, sebagai anggapan
"karut".

"Dakwaan bahawa me-
reka telah mati dalam satu
perang suci adalah karut
semata-mata.

"Apa perang suci?
Membunuh anggota - ang-
gota polis yang sedang
menjalankan tugas itu per-
ang suci?" Tanyanya ke-
pada para pemberita keti-
ka mengulas tentang peris-
tiwa Baling di mana 18
orang, termasuk empat
orang anggota polis terbu-
nuh.

Berikutan dengan peris-
tiwa itu, golongan - go-
longan tertentu telah men-
dakwa bahawa mangsa
-mangsa yang terlibat telah
mati syahid kononnya ke-
rana mati dalam satu per-
ang suci.

Perdana Menteri berka-
ta, sebenarnya mereka
yang mati dalam pertem-
puran dengan pihak polis
itu adalah penjenayah.

"Mengelak dari tang-
kapan adalah satu tinda-
kan jenayah. Semua ini
berlaku kerana mereka itu
cuba mengelak dari tang-
kapan," katanya.

Tambahnya, oleh kera-
na mereka itu cuba elak
dari ditangkap, pihak polis
terpaksa masuk bertindak
dan kerana anggota - ang-
gota polis itu terlalu
berhati-hati dalam usaha
mencegah pertumpahan
darah, mereka (polis) ter-
bunuh.

"Adalah amat malang,
mereka (anggota polis)
terbunuh. Kita harus ber-
terima kasih kepada pihak
polis dan kerajaan sangat -
sangat berharap kejayaan
polis dalam operasi itu.